



MEMPERKUKUH MINAT KESUKARELAWANAN MELALUI MODUL PEMERKASAAN: KAJIAN KES KUASI-EKSPERIMEN DI SEKOLAH-SEKOLAH KUBANG PASU

Mohd Alif Jasni^{123*}, Fatimah Zailly Ahmad Ramli⁴, Teoh Ai Hua¹, Nurhazlina Mohd Ariffin¹, Norzaliza Alis¹ & Sharima Ruwaida Abbas¹

¹Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah

²Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (*iPSYCORE*), Universiti Utara Malaysia, Sintok 06010, Kedah

³Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, 15-02-08, Lorong Tiong Nam 5, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur

⁴Unit Kesukarelawanan, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

*Corresponding author: mohd.alif.jasni@uum.edu.my

Published online: 16 Jun 2025

To cite this article: Jasni.,M.,A.,A.,Ramli.,F.,z.,Hua.T.,.A., M., Ariffi.,N.,Alis.,N., & Abbas.,S.,R.,(2025). Memperkukuh Minat Kesukarelawanan Melalui Modul Pemeriksaan: Kajian Kes Kuasi-Eksperimen Di Sekolah-Sekolah Kubang Pasu. *Asia Pacific Journal Of Youth Studies (APJYS)*. 16(1), 172-196. <https://doi.org/10.56390/apjys.2025.25.66.112>

To link to this article: <https://doi.org/10.56390/apjys.2025.25.66.112>

ABSTRAK

Memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan generasi muda terutama pelajar sekolah adalah penting dalam meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar. Melalui aktiviti kesukarelawanan, pelajar terdedah kepada pelbagai situasi dan pengalaman kehidupan sebenar yang membantu mereka untuk membangunkan perspektif yang lebih luas tentang kehidupan. Justeru, sukarelawan sekolah adalah antara penyumbang penting kepada kejayaan keseluruhan sekolah. Kajian ini menggunakan pendekatan quasi eksperimen dengan melalui borang soal selidik pre and post test daripada sesi pemindahan ilmu memperkasakan minat kesukarelawanan pelajar sekolah di daerah Kubang Pasu, Kedah, seramai 90 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok dan 73 orang

pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok telah terlibat sebagai sampel bagi projek ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok, skor min sebelum program dijalankan (pre-test) berada pada tahap sederhana, manakala skor min selepas program dilaksanakan (post-test) menunjukkan peningkatan ke tahap yang lebih tinggi. Begitu juga, di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok, skor min pre-test berada pada tahap sederhana, namun skor min post-test menunjukkan peningkatan yang ketara sehingga mencapai tahap tinggi. Hasil kajian yang diperolehi mendapati peningkatan pemahaman pelajar di kedua-dua buah sekolah menjadi lebih tinggi selepas mengikuti modul yang disediakan. Ia menunjukkan keupayaan modul kesukarelawanan dalam menyalurkan ilmu pengetahuan berkaitan kepada pelajar selepas pelajar mengikuti modul ini.

Kata Kunci: kerja sukarela, sukarelawan sekolah, pemindahan ilmu, pelajar sekolah, minat kesukarelawanan

ABSTRACT

Fostering a spirit of volunteerism among the younger generation, especially school students, is crucial for enhancing their learning experience. Through volunteerism activities, students are exposed to various real-life situations and experiences that help them develop a broader perspective on life. Therefore, school volunteerism is one of the key contributors to the overall success of schools. This study employs a quasi-experimental approach using pre-test and post-test questionnaires during knowledge transfer sessions to empower the interest in volunteerism among school students in the Kubang Pasu district, Kedah. A total of 90 students from Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok and 73 students from Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok participated as the sample for this project. The findings revealed that at Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok, the pre-test mean scores were at a moderate level, while the post-test mean scores increased to a higher level. Similarly, at Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok, the pre-test mean scores were at a moderate level, but the post-test mean scores showed a significant improvement, reaching a high level. The results of the study indicate that students' understanding in both schools significantly improved after participating in the provided module. This demonstrates the capability of the volunteerism module in delivering relevant knowledge to students after completing the program.

Keywords: volunteer work, school volunteers, knowledge transfer, school students, volunteerism interest.

PENGENALAN

Kesukarelawanan adalah satu usaha penting ke arah pembentukan jati diri individu yang prihatin dan bertanggungjawab serta penting dalam pembangunan modal insan bagi sesebuah negara (Hamzah et al, 2022; Nursey-Bray, 2022). Kesukarelawanan yang diterapkan dalam bidang pendidikan terutama kepada generasi muda membolehkan golongan muda ini membantu individu lain tanpa ada sebarang kepentingan. Generasi muda yang terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan untuk membantu golongan yang memerlukan adalah secara tidak langsung menyokong tujuan filantropi dan menyalurkan bantuan kepada komuniti setempat (Pearce, 2023). Tambahan pula, penglibatan dalam kesukarelawanan ini memberi kelebihan kepada golongan muda terlibat dalam skala yang besar, iaitu memberikan impak positif kepada sukarelawan dan komuniti. Namun begitu, perubahan dan pemodenan yang berlaku termasuk jurang generasi, pengaruh teknologi dan tingkah laku generasi kini yang berdepan dengan pelbagai konflik menyebabkan mereka kurang terdedah kepada aktiviti kemasyarakatan dan mencari arah untuk terlibat dengan aktiviti kerja sukarela ini (Jaafar et al, 2021).

Generasi pelajar di sekolah sekarang sebenarnya ingin terlibat dan membantu masyarakat tetapi kurang mendapat pendedahan dari pihak yang sepatutnya (Nurnadia & Amin, 2020). Malah, generasi muda ini telah menunjukkan keinginan untuk menjadi sukarelawan dalam jumlah yang lebih besar daripada golongan yang lebih tua daripada mereka. Ketika pandemik Covid-19, Gen Z turut menyumbang untuk membantu orang lain yang terjejas ketika itu (McLennan, 2022). Program sukarelawan sekolah menyumbang kepada pelbagai aspek yang menyokong pembelajaran dan pengajaran, pencapaian akademik pelajar, ciri kepimpinan di sekolah dan pembentukan kemahiran insaniah (Ali et al, 2023). Sukarelawan di sekolah juga menunjukkan kesediaan pelajar untuk berbakti kepada komuniti setempat mereka dan mengukuhkan hubungan sekolah–komuniti. Apabila sekolah menyokong dan menggalakkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan ini, ia boleh memberi kesan positif kepada pelajar dan masyarakat. Pelajar juga belajar menghargai kepelbagaian dan mengembangkan rasa empati terhadap individu lain.

Pelaburan dalam pendidikan tinggi menyumbang kepada pembentukan, pengumpulan, dan pembangunan potensi manusia, meningkatkan pembangunan intelektual, profesional, fizikal dan moral pelajar. Pelajar dapat merasakan pulangan yang besar ke atas pelaburan modal insan, yang mempengaruhi pilihan utama dan keputusan kerjaya mereka, dengan jangkaan keluarga memainkan peranan utama (Wiswall & Zafar, 2016). Penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan mempunyai kesan positif yang tinggi terhadap pembentukan modal insan secara holistik (Talib, Azizan & Yusoff, 2023). Sukarelawan boleh menyumbang kepada kebolehpasaran pelajar dan motif mereka boleh berubah dari semasa ke semasa (Holdsworth, 2010). Sukarelawan memupuk perasaan keterangkuman, kekitaan, kesepaduan sosial, pengesahan diri, dan pencapaian modal sosial, budaya dan modal insan dalam kalangan pelajar (Manguvo, Whitney & Chareka, 2013). Aktiviti kerja sukarela dalam kalangan pelajar boleh membawa kepada kesihatan, pengalaman berkaitan kerja, rasa tanggungjawab sosial, meningkatkan kemahiran peribadi dan kebolehpasaran masa depan (Mustafa, Radzi & Hamzah, 2020). Aktiviti kesukarelawanan membantu pelajar mengembangkan potensi mereka dan membina masyarakat yang lebih baik, dengan pemahaman dan dimensi sosial menjadi motivasi utama (Hamid & Halim, 2023). Kesukarelawanan bertindak sebagai alat untuk menyemai akhlak dalam diri pelajar dan tanggungjawab sosial terhadap negara, membentuk modal insan yang berkualiti (Sahri et al., 2013). Motivasi sukarelawan dalam kalangan pelajar memberi kesan kepada kualiti hidup mereka, menggalakkan kewarganegaraan yang bertanggungjawab dan kualiti hidup yang positif (Rashid et al., 2023).

Ramai pelajar sekolah kurang memahami bagaimana kesukarelawanan boleh memberi manfaat bukan sahaja kepada masyarakat tetapi juga kepada diri mereka sendiri, seperti membina kemahiran sosial, nilai empati, dan kepimpinan. Pelajar sekolah sering menghadapi tekanan akademik yang tinggi, peperiksaan, dan jadual pembelajaran yang padat, menyebabkan mereka sukar melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawanan. Tidak semua sekolah menyediakan program kesukarelawanan yang menarik, relevan, atau sesuai dengan minat pelajar (Manguvo et al., 2013). Hal ini menjadikan pelajar kurang termotivasi untuk terlibat. Sebahagian pelajar menganggap kesukarelawanan hanya sebagai aktiviti tambahan tanpa kepentingan atau sekadar kerja yang membebankan. Keadaan ini menyebabkan mereka kurang berminat untuk menyertainya. Ramai pelajar tidak mengetahui peluang kesukarelawanan yang tersedia di komuniti mereka, menyebabkan mereka tidak tahu bagaimana untuk memulakan. Kekurangan kajian yang mendalam tentang faktor yang

mempengaruhi penglibatan pelajar sekolah dalam kesukarelawanan menjadikan sukar untuk membangunkan strategi atau pendekatan yang efektif untuk menggalakkan penglibatan mereka (Gray & Stevenson, 2020).

Justeru, amat penting untuk memupuk minat dalam kalangan generasi muda terutamanya pelajar-pelajar sekolah untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti kesukarelawanan bermula dengan kerja-kerja sukarela di kawasan sekolah, masjid, kawasan perumahan dan sebagainya. Pemerkasaan kesukarelawanan dalam kalangan pelajar sekolah ini dapat membantu mewujudkan budaya sekolah yang positif dan boleh membawa kepada peningkatan penglibatan pelajar. Apabila pelajar merasakan mereka memberikan sumbangan yang bermakna kepada komuniti, mereka lebih cenderung untuk mempunyai hubungan erat dengan sekolah dan rakan sebaya (Maki & Snyder, 2017). Pemerkasaan tentang budaya dan kepentingan kerja sukarela kepada pelajar sekolah adalah penting dalam pendidikan bagi menggalakkan pelajar untuk mengambil minat aktif dalam kesukarelawanan dan khidmat komuniti. Apabila pelajar merasa diberi kuasa untuk terlibat dalam kerja sukarela, mereka lebih cenderung untuk membangunkan kemahiran hidup yang penting seperti kepimpinan, kerja berpasukan, penyelesaian masalah dan komunikasi (Gray & Stevenson, 2020). Oleh itu, artikel ini membincangkan dapatan kajian daripada sesi pemindahan ilmu kesukarelawanan kepada pelajar sekolah yang diharapkan mampu meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan dan peranan sukarelawan dengan lebih baik serta seterusnya menarik minat para pelajar untuk memulakan aktiviti kesukarelawanan pada usia muda.

KAJIAN LITERATUR

Latar belakang Sukarelawan dan Pemahaman Tentang Kesukarelawanan

Latar belakang kesukarelawanan boleh dikesan kembali kepada pelbagai sejarah, budaya, dan falsafah. Sepanjang sejarah, individu dan komuniti telah terlibat dalam tindakan perkhidmatan dan kerja sukarela untuk menyokong satu sama lain dan menangani cabaran bersama. Dalam banyak budaya, konsep altruisme, belas kasihan dan sokongan masyarakat telah ditanam dengan mendalam, membawa kepada kemunculan usaha sukarelawan yang teratur. Ajaran agama, prinsip etika, dan norma sosial juga memainkan peranan penting dalam mempromosikan idea kesukarelawanan (Wiswall & Zafar, 2016). Konsep moden kesukarelawanan telah berkembang seiring dengan perkembangan sosial, ekonomi dan politik. Kebangkitan

perindustrian dan pambandaran, sebagai contoh, mencipta cabaran dan peluang baharu untuk penglibatan sukarelawan. Kini, kesukarelawanan diiktiraf sebagai komponen penting masyarakat sivil dan kuasa penting untuk perubahan sosial. Memahami kesukarelawanan melibatkan mengenali pelbagai bentuk dan motivasinya. Orang ramai menjadi sukarelawan atas pelbagai sebab, termasuk keinginan untuk menyumbang kepada komuniti, memperoleh kemahiran dan pengalaman baharu, bertemu individu yang berfikir sama, dan memberi kesan positif kepada masyarakat (Niemi, Hepburn & Chapman, 2000).

Golongan muda, khususnya pelajar sekolah, sedang menghadapi pelbagai isu sosial yang boleh memberi kesan kepada perkembangan kemahiran sosial mereka. Ramai pelajar sekolah menunjukkan kelemahan dalam komunikasi, kepimpinan, empati, dan kerjasama kerana lebih tertumpu kepada pembelajaran akademik berbanding aktiviti yang melibatkan interaksi sosial. Aktiviti kesukarelawanan berperanan penting dalam membantu pelajar sekolah mengembangkan kemahiran sosial yang kritikal (Stukas, Snyder & Clary, 2016). Melalui kesukarelawanan, pelajar berpeluang berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat, termasuk golongan rentan, kanak-kanak, dan orang tua. Keadaan ini memberikan mereka ruang untuk belajar mendengar, berkomunikasi secara efektif, dan memahami pelbagai perspektif. Penglibatan dalam kesukarelawanan dapat menarik pelajar keluar dari zon selesa mereka dan menggalakkan interaksi dengan rakan sebaya dan orang lain dalam persekitaran dunia nyata. Kesukarelawanan membantu pelajar membina keprihatinan terhadap isu-isu masyarakat seperti kemiskinan, ketidaksetaraan gender, atau pemeliharaan alam sekitar, menjadikan mereka individu yang lebih peka dan bertanggungjawab (Maki & Snyder, 2017). Walaupun potensi kesukarelawanan besar, terdapat beberapa cabaran yang perlu ditangani. Pelajar sering menghadapi kesukaran untuk mengimbangi kesukarelawanan dengan tanggungjawab akademik mereka. Ramai pelajar tidak memahami bagaimana aktiviti ini boleh meningkatkan kemahiran sosial mereka (Gray & Stevenson, 2020). Tidak semua sekolah menawarkan platform atau program sukarelawan yang menarik dan relevan.

Pelajar Sebagai Modal Insan Masa Hadapan

Aktiviti kesukarelawanan bukan sahaja memberikan manfaat kepada masyarakat, tetapi juga berperanan penting dalam pembangunan modal insan yang berkualiti. Kajian ini menekankan bahawa semangat sukarelawan dapat membentuk pelajar menjadi individu yang lebih bertanggungjawab, berempati, dan berkemahiran tinggi, yang merupakan ciri penting bagi modal

insan masa hadapan. Menjadi sukarelawan memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran insaniah seperti kepimpinan, kerja berpasukan, dan komunikasi. Menurut Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2007), penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan membantu pelajar membina kemahiran sosial yang diperlukan dalam dunia pekerjaan. Keterlibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan juga meningkatkan kesedaran sosial mereka. Dengan menyertai pelbagai program kesukarelawanan, pelajar dapat memahami isu-isu masyarakat dan belajar untuk memberi sumbangan yang bermakna. Hal ini selaras dengan agenda Malaysia Madani yang menekankan pentingnya nilai ihsan dan kepedulian terhadap masyarakat (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2021). Selain itu, pelajar yang aktif sebagai sukarelawan cenderung memiliki sikap positif dan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran di masa hadapan (Anisa Saleha, 2015). Ini menunjukkan bahawa semangat sukarelawan bukan sahaja membentuk kemahiran praktikal tetapi juga membina karakter yang baik.

Pelajar dianggap sebagai modal insan masa depan kerana mereka mewakili generasi pekerja, inovator dan pemimpin yang akan memacu kemajuan ekonomi dan sosial. Semasa pelajar belajar dan mengembangkan pengetahuan, mereka sedang menyediakan diri mereka untuk menyumbang kepada masyarakat dalam pelbagai cara. Melabur dalam pendidikan dan pembangunan pelajar adalah penting untuk membina tenaga kerja yang mahir dan produktif. Pendidikan melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk berjaya dalam bidang pilihan mereka dan menyesuaikan diri dengan tuntutan ekonomi yang semakin berkembang. Mengiktiraf pelajar sebagai modal insan masa depan menekankan kepentingan melabur dalam pendidikan dan pembangunan sahsiah mereka. Pendidikan bukan sahaja cara untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran tetapi juga pelaburan dalam potensi manusia, produktiviti, dan inovasi. Dengan menyediakan pelajar dengan peluang pendidikan dan pembelajaran yang berkualiti, masyarakat boleh memupuk tenaga kerja mahir yang dilengkapi untuk memenuhi permintaan ekonomi global yang sentiasa berubah.

Menerapkan ilmu kesukarelawanan dalam kalangan pelajar membantu meningkatkan pembelajaran serta meningkatkan penglibatan ke dalam perubahan sosial (McFadden & Smeaton, 2016). Penyertaan pelajar sekolah menengah dalam khidmat masyarakat boleh membawa kepada peningkatan pengetahuan politik, perbincangan dengan ibu bapa, dan peningkatan kemahiran penyertaan (Niemi, Hepburn & Chapman, 2000). Mempromosikan kesukarelawanan kepada pelajar dalam pendidikan tinggi

pula diandaikan dapat memberi manfaat kepada pelajar, institusi dan komuniti (Holdsworth & Quinn, 2010). Pemberian ilmu kesukarelawanan dilihat efektif kepada pelajar sekolah rendah berbanding pelajar di peringkat pengajian tinggi. Berbeza dengan kajian Hernantes dan rakan-rakan (2020), mengatakan aktiviti kesukarelawanan di peringkat remaja ini boleh meningkatkan akademik, sosial, kognitif dan mengurangkan risiko kepada tingkah laku anti sosial. Kaedah yang berkesan untuk menggalakkan kesukarelawanan dan penglibatan komuniti termasuk memasyarakatkan golongan muda, membina semangat kemasyarakatan, dan menonjolkan faedah berorientasikan diri (Stukas et al., 2016). Sukarelawan memberi kesan positif kepada kepuasan hidup, harga diri, kesihatan dan kesejahteraan, dan mungkin mengurangkan kemungkinan terlibat dalam tingkah laku bermasalah seperti ponteng sekolah dan penyalahgunaan dadah (Haski-Leventhal, 202). Tingkah laku sukarelawan boleh dikelaskan kepada jenis, dan individu yang terlibat dalam aktiviti yang sesuai dengan minat mereka mengalami kepuasan sukarelawan yang lebih tinggi (Maki & Snyder, 2017).

Pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk nilai, sikap, dan tingkah laku sosial individu, menyumbang kepada perpaduan sosial, keterangkuman dan kesejahteraan. Dengan memupuk perkembangan intelek, emosi dan sosial pelajar, masyarakat boleh memupuk warganegara yang terlibat, bermaklumat, dan empati, mampu menyumbang secara positif kepada komuniti mereka dan menggalakkan keadilan dan kesaksamaan sosial. Tambahan pula, pelajar bukan sahaja bakal pekerja tetapi juga bakal pemimpin dan agen perubahan. Melalui pendidikan, mereka membangunkan pemikiran kritis, penyelesaian masalah, dan kemahiran kepimpinan yang penting untuk memacu inovasi, menangani cabaran masyarakat, dan membentuk masa depan.

Kepentingan Ilmu Sukarelawan Kepada Pelajar Sekolah

Aktiviti sukarela merupakan satu usaha murni yang dapat memupuk sikap positif dalam masyarakat terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah. Ini kerana kesukarelawanan adalah aktiviti yang mempunyai nilai-nilai kemanusiaan dan relevan sepanjang zaman. Semangat kerjasama, saling membantu, menjaga keselamatan dan memelihara perpaduan masyarakat banyak bergantung kepada kesediaan dan sikap sukarela anggota masyarakat (Swart et al., 2016). Apakah yang mendorong seseorang menyertai aktiviti kerja sukarela? Berdasarkan Clary dan Snyder (1998) serta Bang dan Ross (2009), terdapat enam faktor motivasi yang mendorong seseorang itu untuk melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Elemen tersebut

ialah nilai, kefahaman, kerjaya, sosial, perlindungan dan peningkatan diri. Nilai merujuk kepada kemanusiaan dan altruism individu, kefahaman: merujuk kepada motivasi sukarelawan untuk meningkatkan pengalaman, pengetahuan dan kemahiran. Sementara itu, elemen sosial merujuk kepada motivasi sukarelawan terhadap hubungan dengan orang lain, kerjaya pula berkaitan dengan motivasi untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang tertentu yang berkaitan dengan pembangunan akademik dan profesional. Elemen perlindungan merujuk kepada perlindungan terhadap perasaan negatif seperti ego dan cara mengatasi masalah manakala elemen peningkatan diri merujuk kepada pengetahuan dan pembangunan sendiri, iaitu peningkatan yang membawa kepada perasaan positif terhadap diri sendiri.

Sukarelawan boleh menyumbang kepada pengesahan dan pengubahsuaian identiti, yang membawa kepada rasa diri yang boleh diterima, yang boleh menjadi sebahagian daripada pelan tindakan sosial (Tierney et al., 2021). Hal ini kerana kesukarelawanan adalah proses yang kompleks dengan tiga peringkat (situasi lampau, pengalaman, dan akibat) dan implikasi untuk isu dasar sosial yang mempengaruhi individu, organisasi, komuniti dan masyarakat (Snyder & Omoto, 2008). Tingkah laku sukarelawan boleh dikelaskan kepada jenis, dan individu yang terlibat dalam aktiviti yang sepadan dengan minat mereka yang dapat memperoleh kepuasan daripada aktiviti kesukarelawanan yang dilakukan (Maki & Snyder, 2017). Identiti sosial yang dikongsi adalah penting untuk motivasi, pengalaman dan kesejahteraan sukarelawan, mempromosikan rasa kepunyaan dan sokongan kolektif (Gray & Stevenson, 2020). Sikap pro-sosial sukarelawan lebih banyak dipengaruhi oleh nilai-nilai berorientasikan alasan untuk menjadi sukarelawan (Briggs et al., 2010). Malahan, sukarelawan juga dikaitkan dengan fungsi kognitif yang lebih baik, walaupun selepas mengambil kira pemilihan kognitif ke dalam aktiviti kesukarelawanan (Kail & Carr, 2020). Di samping itu, sukarelawan boleh meningkatkan kemungkinan menjalinkan sikap persahabatan dan menyokong motif perhubungan untuk kerja sukarela (Prouteau & Wolff, 2008).

Seterusnya, kesukarelawanan dilihat sebagai satu fenomena kompleks berbilang dimensi dengan wajah simbolik dan ekonominya (Toraldó et al., 2016). Maka sukarelawan sekolah mampu memupuk serta memberi kesan positif kepada perkembangan psikologi dan sosial remaja, (Cemalcılar, 2009) menerusi takrif sukarelawan itu sendiri iaitu kerja tanpa gaji dan masa lapang yang menarik, serta memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang hubungannya dengan kerja dan masa lapang yang lebih bermakna (Stebbins, 2013). Sukarelawan juga penting dalam masyarakat moden,

menonjolkan kepentingan dan keperluannya sebagai komuniti dan institusi sosial lain termasuklah sekolah (Kim, & Yusupov, 2021). Keadaan ini menjadikan sukarelawan sebagai fenomena sosial yang kompleks dengan pelbagai kaitan dengan masyarakat sivil, gerakan sosial dan pembangunan, yang berpotensi untuk pembangunan dan bantu diri (Butcher & Einolf, 2017).

Rentetan itu, pengetahuan kesukarelawanan adalah penting untuk pelajar sekolah kerana ia dapat memberikan mereka pengalaman, perspektif dan kemahiran insaniah berharga yang boleh memanfaatkan pertumbuhan dan perkembangan peribadi mereka. Menerusi kerja-kerja sukarela juga ia dapat memberikan pendedahan kepada pelajar dari aspek persekitaran dan cabaran yang pelbagai, membantu mereka membangunkan kemahiran hidup yang penting seperti komunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan dan penyelesaian masalah. Kesukarelawanan membolehkan pelajar berinteraksi dengan orang dari latar belakang yang berbeza dan memahami keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh orang lain, memupuk empati dan belas kasihan. Selain itu melalui kesukarelawanan juga, pelajar belajar tentang kepentingan penglibatan komuniti dan cara tindakan mereka boleh memberi kesan positif kepada orang di sekeliling mereka. Sukarelawan menggalakkan pelajar berinteraksi dengan pelbagai individu, membantu mereka mengembangkan kemahiran sosial, membina hubungan dan menjadi lebih cekap serta peka dari segi nilai dan budaya setempat.

Kesukarelawanan dari Teori Altruisme

Dari perspektif teori altruisme, kesukarelawanan boleh difahami sebagai manifestasi keprihatinan tanpa mengharapkan sebarang keuntungan atau faedah peribadi sebagai balasan. Teori altruisme berpendapat bahawa individu bermotivasi untuk terlibat dalam tingkah laku prososial bukannya atas sebab mementingkan diri sendiri. Teori altruisme menekankan motivasi intrinsik untuk mengutamakan keperluan dan kebajikan orang lain daripada kepentingan diri sendiri (Carpenter & Myers, 2010). Apabila individu menjadi sukarelawan, mereka didorong oleh keinginan untuk membuat perubahan positif dalam kehidupan orang lain, sama ada membantu mereka yang memerlukan, menyumbang kepada pembangunan komuniti, atau menyokong tujuan yang mereka percayai. Individu yang menjadi sukarelawan sering mengalami empati terhadap mereka yang menghadapi kesukaran atau kesusahan, membawa mereka untuk mengambil tindakan untuk mengurangkan penderitaan dan mempromosikan kesejahteraan. Teori altruisme mengakui kepuasan intrinsik dan ganjaran psikologi yang diperoleh daripada terlibat dalam tindakan kebaikan dan kemurahan hati. Sukarelawan sering melaporkan perasaan kepuasan, tujuan dan kegembiraan daripada

aktiviti sukarelawan mereka, yang menguatkan motivasi altruistik mereka dan menggalakkan penglibatan berterusan dalam tingkah laku prososial.

Altruisme ialah motivasi penting untuk sukarelawan merentasi pelbagai jenis aktiviti sukarela, yang mencabar. Kesukarelawan didorong oleh 'melakukan kerja-kerja yang baik' (Unger, 1991). Sukarelawan yang mempunyai sejarah pendedahan kepada ibu bapa atau pengasuh yang memodelkan altruisme akan mempamerkan sifat altruisme yang berterusan. Manakala sukarelawan normatif boleh mencapai tahap yang sama dengan sukarelawan autonomi (Clary & Miller, 1986). Motif altruistik dan ciri-ciri personaliti prososial adalah penentu utama kesukarelawan (Penner & Finkelstein, 1998). Sukarelawan berkorelasi positif dengan altruisme dan reputasi sosial, tetapi insentif ekstrinsik boleh menghalang motivasi imej untuk tingkah laku prososial (Carpenter & Myers, 2010). Altruisme memainkan peranan penting dalam motivasi pelajar untuk menjadi sukarelawan, menjadikan motivasi ini sebagai strategi yang menguntungkan untuk menarik sukarelawan baru (Burns et al., 2006). Sikap altruistik dan tingkah laku prososial, seperti sukarela yang menyumbang kepada mengekalkan kepuasan hidup dan kesan yang positif (Kahana et al., 2013). Kesukarelawan didorong oleh kedua-dua motivasi altruistik dan kepentingan diri, dengan motivasi yang kedua lebih lazim dalam organisasi dengan tumpuan kepada pembelajaran, penyempurnaan sendiri, dan peningkatan status (Phillips, 1982).

Teori Altruisme mencadangkan bahawa individu bermotivasi untuk membantu orang lain semata-mata kerana keinginan untuk memberi manfaat kepada mereka, tanpa mengharapkan keuntungan atau ganjaran peribadi. Dalam konteks kesukarelawan, teori ini membayangkan bahawa orang ramai terlibat dalam aktiviti kesukarelawan kerana mereka benar-benar mengambil berat tentang kesejahteraan orang lain dan ingin memberi kesan positif kepada kehidupan atau komuniti mereka (Carpenter & Myers, 2010). Menurut teori ini, tingkah laku altruistik didorong oleh empati dan belas kasihan terhadap orang lain. Individu yang menjadi sukarelawan mungkin memperoleh kepuasan daripada mengetahui bahawa usaha mereka telah membantu seseorang yang memerlukan atau menyumbang kepada kebaikan yang lebih besar. Motif altruistik boleh menyebabkan orang ramai menyumbangkan masa, kemahiran dan sumber mereka untuk menyokong pelbagai sebab, organisasi atau individu.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji membincangkan metodologi kajian ini dengan terperinci seperti berikut:

Reka bentuk kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk quasi-eksperimen yang melibatkan ujian pra dan pasca untuk menilai keberkesanan Modul Pemerksaan Minat Kesukarelawanan terhadap pelajar sekolah rendah (SK) dan menengah (SMK) di daerah Kubang Pasu. Reka bentuk quasi-eksperimen dipilih kerana ia sesuai untuk mengkaji perubahan dalam kumpulan sedia ada tanpa keperluan kepada pengasingan rawak (random assignment). Kajian ini melibatkan dua kumpulan sedia ada: pelajar Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok (SK) dan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok (SMK). Setiap kumpulan akan menjalani ujian pra (pre-test) sebelum mengikuti modul, diikuti oleh pelaksanaan modul, dan diakhiri dengan ujian pasca (post-test) untuk menilai perubahan yang berlaku. Instrumen soal selidik digunakan sebagai alat pengumpulan data untuk mengukur tahap minat kesukarelawanan sebelum dan selepas pelaksanaan modul. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi untuk membandingkan skor min dan sisihan piawai antara kedua-dua ujian, serta antara kumpulan SK dan SMK. Melalui reka bentuk ujian pra dan pasca, quasi-eksperimen membolehkan pengkaji mengukur kesan modul terhadap tahap minat kesukarelawanan dengan membandingkan skor sebelum dan selepas pelaksanaan modul.

Lokasi kajian

Kajian ini telah memilih untuk menjalankan pengujian Modul Pemerksaan Minat Kesukarelawanan dalam kalangan pelajar di daerah Kubang Pasu. Sebanyak dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok dan Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok telah dipilih untuk mengikuti pengujian Modul Pemerksaan Minat Kesukarelawanan. Pemilihan kedua-dua buah sekolah sebagai lokasi kajian telah dibuat berdasarkan faktor jarak, masa, kos serta persetujuan pihak sekolah untuk terlibat. Pemilihan kedua-dua buah sekolah ini merupakan permulaan awal yang akan diteruskan kemudian di sekolah-sekolah lain di sekitar daerah Kubang Pasu. Projek pengujian Modul ini sebagai bukti kepada usaha para pengkaji dari Universiti Utara Malaysia dalam menyemarakkan aktiviti kesukarelawanan dalam kalangan pelajar di sekitar daerah Kubang Pasu ini.

Sampel kajian dan pemilihan sampel

Kajian ini melibatkan dua kelompok sampel iaitu dari kalangan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah. Pemilihan kedua-dua kelompok

sampel ini membolehkan pengkaji mengukur perbezaan yang wujud di antara kedua-dua kelompok sampel yang hadir dalam kelompok umur yang berbeza. Hal ini dapat memberi gambaran tentang penerimaan peserta Modul Kesukarelawanan ini berdasarkan kedua-dua kelompok sampel ini. Pemilihan sampel adalah dari pemilihan pihak sekolah sendiri berdasarkan kesediaan pelajar pada hari pengujian modul dijalankan. Seramai 90 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok dan seramai 73 orang pelajar dari Sekolah Menengah Bandar Baru Sintok telah dipilih untuk mengikuti modul minat kesukarelawanan.

Etika kajian

Kajian ini mematuhi etika kajian apabila mendapatkan kebenaran dari Pejabat Pendidikan Daerah Kubang Pasu dan pihak Sekolah Menengah Bandar Baru Sintok dan Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok bagi menjalankan pengujian modul. Aktiviti dijalankan di bawah pemantauan wakil pihak sekolah yang turut mengikuti proses menjalankan aktiviti ini. Pengkaji juga memastikan proses menjalankan aktiviti berjalan dengan penuh etika dan memastikan keselamatan para pelajar yang terlibat. Setiap pemberian modul adalah bersesuaian dengan umur para peserta dan dapat memberi manfaat daripada segi pemberian maklumat tentang minat kesukarelawanan. Pemberian modul yang sama telah diberikan kepada kedua-dua kelompok sekolah.

Instrumen kajian

Kajian ini telah menghasilkan dua soal selidik iaitu *pre* dan *post test* yang diedarkan kepada pelajar. Soal selidik *pre* telah diedarkan sebelum Modul Minat Kesukarelawanan dilaksanakan. Soalan *pre* dan *post-test* adalah bagi mengukur pengetahuan pelajar sebelum dan selepas bengkel diberikan. Kedua-dua menggunakan soalan berbentuk skala likert bagi melihat tahap pengetahuan mereka. Pengkaji melampirkan soalan yang hampir serupa bagi mengenalpasti pengetahuan mereka tentang konsep kesukarelawan, teori-teori dan aktiviti kesukarelawan. Para pelajar diminta mengisi maklumat kefahaman tentang kesukarelawanan. Seterusnya, pengkaji memberi taklimat dan pengisian kepada para pelajar tentang Minat Kesukarelawanan. Sebaik pelaksanaan Modul selesai, pengkaji mula mengedarkan soal selidik *Post* bagi mendapatkan pandangan tentang kefahaman mereka terhadap minat kesukarelawanan selepas mengikuti modul tersebut.

Analisis data

Kajian ini telah memasukkan data ke dalam perisian SPSS. Pengkaji telah menggunakan analisis deskriptif bagi mendapatkan bacaan nilai min tentang pre-post kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Latarbelakang Sosio-Demografi Responden Pelajar Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menerangkan secara ringkas taburan kekerapan dan peratusan responden. Seramai 90 orang responden dikumpulkan dari Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok Kedah. Dari segi umur, hasil dapatan kajian menunjukkan keseluruhan responden dalam kajian ini berumur 12 tahun iaitu seramai 90 orang. Berdasarkan hasil dapatan kajian terhadap jantina responden, jumlah responden perempuan adalah melebihi responden lelaki iaitu seramai 56 (62.2%) orang, manakala lelaki sebanyak 34 (37.8%) orang responden. Hasil dapatan kajian menunjukkan keseluruhan responden dalam kajian ini berbangsa Melayu dan beragama islam iaitu seramai 90 orang. Pengkaji melampirkan latarbelakang sosio-demografi responden di dalam jadual 1.1:

Jadual 1.1: Latarbelakang sosio-demografi responden

	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Umur Responden	12 tahun	90	100
	Jumlah	90	100.0
Jantina Responden	Lelaki	34	37.8
	Perempuan	56	62.2
Kaum	Melayu	90	100
Agama	Islam	90	100

Laterbelakang Sosio-Demografi Responden Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menerangkan secara ringkas taburan kekerapan dan peratusan responden. Seramai 73 orang responden dikumpulkan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Sintok Kedah. Jadual 1.2 menunjukkan latarbelakang sosio-demografi responden. Dari segi umur, jumlah responden yang melebihi dari umur lain dalam kajian ini adalah yang berumur 16 tahun iaitu seramai 49 (67.1%) orang, manakala responden yang berumur 15 tahun ialah seramai 24 (32.9%) orang responden. Berdasarkan hasil dapatan kajian terhadap jantina responden, jumlah responden lelaki adalah melebihi responden perempuan iaitu seramai 38 (52.1%) orang, manakala perempuan sebanyak 35 (47.9%) orang responden. Hasil dapatan kajian menunjukkan seramai 71 (97.3%) orang responden dalam kajian ini berbangsa Melayu dan lain-lain bangsa hanya seramai 2 (2.7%) orang. Hasil dapatan kajian menunjukkan keseluruhan responden dalam kajian ini beragama Islam iaitu seramai 73 orang.

Jadual 1.3: Latarbelakang sosio-demografi responden

	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Umur	15 tahun	24	32.9
	16 tahun	49	67.1
Jantina	Lelaki	38	52.1
	Perempuan	35	47.9
Kaum	Melayu	71	97.3
	Lain-lain	2	2.7
Agama	Islam	73	100

Analisis Min dan Sisihan Piawaian bagi pre-post test di SK Bandar Baru Sintok dan SMK Bandar Baru Sintok

Dalam kajian ini, analisis deskriptif skor min dan sisihan piawaian turut digunakan dalam menunjukkan perbezaan bagi pre-post test di SK Bandar Baru Sintok dan SMK Bandar Baru Sintok. Menurut Sekaran dan Bougie (2013), min merupakan nilai purata set data. Min digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk mengukur kecenderungan memusat dengan cara membahagikan kesemua jumlah nilai bersama dengan bilangan nilai yang terdapat di dalam set data. Nilai min akan dinilai berdasarkan tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah mengikut skor bagi setiap pembolehubah dalam soal selidik. Jadual 1.3 menunjukkan skor min dan sisihan piawai bagi sebelum dan selepas menjalankan program aktiviti sukarelawan dan gaya hidup sihat di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sintok dan SMK Bandar Baru Sintok. Untuk di SK Bandar Baru Sintok, secara kesimpulannya, didapati skor min untuk sebelum program ini dilakukan (*Pre Test*) berada

pada tahap sederhana iaitu 3.49 dengan sisihan piawaian .62. Manakala, skor min selepas program ini dijalankan (*Post Test*) menunjukkan peningkatan iaitu berada pada tahap tinggi iaitu 4.18 dengan sisihan piawaian .60. Seterusnya untuk SMK Bandar Baru Sintok, didapati skor min untuk sebelum program ini dilakukan (*Pre Test*) berada pada tahap sederhana iaitu 3.38 dengan sisihan piawaian .44. Manakala, skor min selepas program ini dijalankan (*Post Test*) menunjukkan peningkatan iaitu berada pada tahap tinggi iaitu 4.64 dengan sisihan piawaian .38.

Jadual 1.2: Min dan Sisihan Piawaian

	Pembolehubah	Min	Sisihan Piawaian	Interpretasi Skor Min
SK Bandar Baru Sintok	Pre Test	3.49	.62	Sederhana
	Post Test	4.18	.60	Tinggi
SK Bandar Baru Sintok	Pre Test	3.38	.44	Sederhana
	Post Test	4.64	.38	Tinggi

PERBINCANGAN

Kesukarelawanan memainkan peranan penting dalam pembangunan generasi muda, terutama pelajar sekolah. Aktiviti kesukarelawanan tidak hanya menyumbang kepada pembelajaran akademik, tetapi juga membantu pelajar membangunkan pemikiran kritikal, tanggungjawab sosial, dan kemahiran peribadi. Dalam konteks ini, kajian terhadap keberkesanan Modul Pemeraksanaan Minat Kesukarelawanan di Sekolah Kebangsaan (SK) Bandar Baru Sintok dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Baru Sintok telah dilaksanakan menggunakan pendekatan quasi-eksperimen. Kajian ini memberikan tumpuan kepada perubahan pemahaman dan minat kesukarelawanan dalam kalangan pelajar sebelum dan selepas mereka mengikuti modul. Kajian ini menggunakan soal selidik pre-test dan post-test untuk menilai keberkesanan modul yang disediakan. Analisis deskriptif menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang signifikan dalam skor min

pelajar selepas program dijalankan. Di SK Bandar Baru Sintok, skor min pre-test berada pada tahap sederhana (3.49) dengan sisihan piawaian .62, manakala skor min post-test meningkat ke tahap tinggi (4.18) dengan sisihan piawaian .60.

Keputusan yang sama turut diperoleh di SMK Bandar Baru Sintok, di mana skor min pre-test berada pada tahap sederhana (3.38) dengan sisihan piawaian .44, dan skor min post-test meningkat ke tahap tinggi (4.64) dengan sisihan piawaian .38. Peningkatan ini membuktikan bahawa modul yang disediakan berjaya menyalurkan ilmu pengetahuan yang relevan dan meningkatkan minat pelajar terhadap kesukarelawanan. Hasil kajian ini mengukuhkan keperluan untuk mempromosikan kesukarelawanan di sekolah. McFadden dan Smeaton (2016) menekankan bahawa melibatkan pelajar dalam pelbagai peluang kesukarelawanan memperkayakan pendidikan mereka melalui pengalaman dunia sebenar yang meningkatkan pemikiran kritikal, penglibatan sosial, dan pembangunan kemahiran. Kesukarelawanan juga terbukti memberi manfaat kepada masyarakat dan pencapaian akademik pelajar, seperti yang dinyatakan oleh Ritter et al. (2009), di mana program kesukarelawanan meningkatkan literasi dan keupayaan penulisan.

Selain itu, kesukarelawanan memainkan peranan penting sebagai alat pembangunan peribadi. Hernantes et al. (2020) menyatakan bahawa ia bertindak sebagai faktor pelindung bagi remaja dengan meningkatkan kecekapan akademik, sosial, dan kognitif sambil mengurangkan tingkah laku berisiko. Kesedaran terhadap peluang kesukarelawanan juga dapat mengatasi halangan penyertaan dan mendorong lebih ramai pelajar untuk terlibat (Pevnaya, Tarasova & Telepaeva, 2023). Ini selaras dengan keperluan untuk mencadangkan program kesukarelawanan yang disesuaikan mengikut latar belakang pelajar (Cheng & Skikkink, 2019).

Kajian ini turut menyokong pandangan bahawa kesukarelawanan bukan sahaja memberi manfaat kepada pelajar dari aspek akademik tetapi juga membangunkan sifat-sifat seperti ketahanan dan motivasi. Pusztai, Fényes, dan Markos (2021) mendapati bahawa kesukarelawanan dalam pendidikan tinggi meningkatkan daya tahan akademik, terutamanya dalam kalangan wanita dan pelajar kurang berkemampuan. Kesukarelawanan juga memberikan peluang untuk perkembangan peribadi, pemerolehan kemahiran, dan kesejahteraan emosi, mengurangkan kesunyian serta meningkatkan penghargaan diri (Hoi & Yin, 2023; Llenares et al., 2020). Pembangunan kemahiran kekal menjadi motivasi penting bagi pelajar yang

terlibat dalam kesukarelawanan. Hal ini turut disokong oleh Talib, Azizan, dan Yusoff (2023), yang menegaskan bahawa pengalaman ini meningkatkan kebolehpasaran dan prospek kerjaya pada masa hadapan. Selain itu, Hou (2020) menyatakan bahawa kesukarelawanan membantu dalam pembangunan ideologi dan sosial, memupuk penglibatan sivik dan tanggungjawab sosial.

Kajian ini mendapati mengajar pelajar tentang kesukarelawanan boleh menjadi sangat mencabar disebabkan oleh pelbagai faktor. Antara cabaran yang didapati apabila melibatkan pelajar yang mungkin tidak melihat perkaitan segera atau faedah mempelajari ilmu kesukarelawanan. Hal ini kerana memberi bengkel tentang kesukarelawanan kepada pelajar sekolah boleh menjadi suatu yang sangat mencabar. Pengkaji turut menghadapi cabaran untuk menarik dan mengekalkan perhatian dan minat pelajar sepanjang bengkel. Pelajar mungkin mempunyai tahap minat yang berbeza-beza dalam pemberian sesuatu topik kesukarelawanan tersebut, dan memastikan mereka memberi perhatian sepanjang bengkel dijalankan boleh menjadi satu cabaran. Selain itu, penyampaian maklumat ketika bengkel perlu menggunakan pendekatan yang membolehkan pelajar ini berasa tertarik adalah penting.

Namun demikian, usaha penyampaian bengkel tetap boleh menjadi sukar, terutamanya apabila pelajar mempunyai pendedahan awal yang terhad kepada kesukarelawanan. Cabaran lain ialah menyampaikan kepentingan dan faedah menjadi sukarelawan dengan cara yang bermakna dengan pelajar. Seseengah pelajar mungkin tidak melihat perkaitan segera kesukarelawanan dengan kehidupan mereka atau mungkin mempunyai tanggapan yang salah tentang perkara yang diperlukan sebagai sukarelawan. Keperluan pengkaji untuk menjalankan kaedah pengajaran yang interaktif dan menarik, seperti aktiviti kumpulan, perbincangan dan contoh kehidupan sebenar, untuk menjadikan bengkel lebih relevan dan memberi kesan kepada pelajar. Selain itu, memberi peluang kepada pelajar untuk merenung nilai dan minat mereka sendiri dan cara mereka berkaitan dengan kesukarelawanan boleh membantu menjadikan bengkel lebih bermakna kepada mereka.

Kajian ini memberikan beberapa sumbangan yang signifikan dalam bidang pendidikan dan pembangunan pelajar melalui pendekatan kesukarelawanan. Kajian ini mendapati bahawa modul kesukarelawanan yang diperkenalkan mampu meningkatkan pemahaman pelajar secara signifikan, menunjukkan keberkesanan modul dalam menyampaikan ilmu

berkaitan kesukarelawanan. Penemuan ini mengesahkan bahawa kesukarelawanan bukan sahaja meningkatkan pemahaman pelajar tentang konsep sosial, tetapi juga memperkaya pengalaman pembelajaran mereka secara menyeluruh.

Dengan memupuk tanggungjawab sosial dan menghubungkannya dengan pembelajaran akademik, kajian ini menunjukkan bahawa kesukarelawanan membantu pelajar dalam perkembangan peribadi, termasuk dalam membentuk nilai-nilai murni seperti empati, kerjasama, dan integriti. Ini selaras dengan dapatan McFadden dan Smeaton (2016) yang menyatakan bahawa penglibatan dalam kesukarelawanan memperkayakan pendidikan pelajar melalui pengalaman dunia sebenar yang meningkatkan pemikiran kritikal dan penglibatan sosial.

Hasil kajian ini menambah sokongan kepada dapatan terdahulu, seperti yang dikemukakan oleh Ritter et al. (2009), bahawa program kesukarelawanan, terutamanya dalam bentuk bimbingan, boleh meningkatkan prestasi akademik pelajar dalam bidang penting seperti literasi dan penulisan. Keadaan ini menunjukkan bahawa kesukarelawanan bukan sahaja memberi impak sosial tetapi juga menyumbang kepada pencapaian akademik. Penemuan ini juga menyokong pandangan bahawa kesukarelawanan bertindak sebagai faktor pelindung untuk remaja, seperti yang dinyatakan oleh Hernantes et al. (2020). Ia bukan sahaja meningkatkan kecekapan sosial dan kognitif pelajar tetapi juga berpotensi mengurangkan tingkah laku berisiko, menjadikannya alat yang penting untuk promosi kesihatan dan pembangunan sosial dalam kalangan pelajar.

KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Pengalaman dan kemahiran sebagai sukarelawan mengajar pelajar nilai memberi kembali kepada komuniti mereka dan membantu orang lain yang memerlukan. Ia menyemai rasa tanggungjawab dan kewajipan sivik. Sukarelawan boleh membantu pelajar membangunkan kemahiran hidup yang penting seperti kerja berpasukan, komunikasi, kepimpinan, dan penyelesaian masalah. Kemahiran ini berharga dalam kedua-dua tetapan peribadi dan profesional. Pengalaman ini mendedahkan pelajar kepada pelbagai isu dan cabaran sosial yang dihadapi oleh masyarakat. Ia membantu mereka mengembangkan empati dan pemahaman tentang pelbagai perspektif.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pelbagai cadangan yang dapat diperkenalkan dalam menggalakkan pemberian ilmu minat kesukarelawanan dalam kalangan pelajar. Antaranya adalah dengan menambah baik bengkel sukarelawan untuk pelajar di sekolah dengan menggabungkan aktiviti pembelajaran secara interaktif untuk melibatkan pelajar secara aktif dalam proses sukarela. Contohnya, senario '*role play*', perbincangan secara berkumpulan dan projek perkhidmatan amali yang boleh memberi peluang kepada pelajar untuk menggunakan perkara yang mereka pelajari dan merenung pengalaman mereka. Di samping itu, keperluan dalam membangunkan kurikulum yang disesuaikan dengan minat pelajar sekolah dan peringkat perkembangan pelajar. Malahan, boleh turut menjemput penceramah jemputan, ketua komuniti dan alumni yang mempunyai pengalaman dengan sukarelawan dan khidmat masyarakat untuk berkongsi pandangan, cerita dan kepakaran mereka dengan pelajar di sekolah.

Malahan, pihak sekolah juga boleh menawarkan bengkel pembinaan kemahiran yang melengkapkan pelajar dengan pengetahuan, kecekapan dan sumber yang diperlukan untuk melibatkan diri secara berkesan dalam aktiviti kesukarelawanan. Selain itu juga, perlu menggabungkan peluang untuk refleksi dan maklum balas ke dalam reka bentuk bengkel bagi membantu pelajar memproses pengalaman sukarelawan mereka, mengenal pasti pelajaran yang dipelajari dan menetapkan matlamat untuk penglibatan masa hadapan. Seterusnya, pihak sekolah boleh mewujudkan perkongsian dengan organisasi komuniti tempatan, badan bukan untung dan agensi perkhidmatan untuk menyediakan pelajar dengan pelbagai peluang sukarelawan dan projek perkhidmatan yang bermakna. Dengan bekerjasama bersama rakan kongsi komuniti boleh memperkayakan pengalaman dalam menjalankan bengkel, mengembangkan pemahaman pelajar tentang keperluan komuniti, dan memudahkan penglibatan berterusan di luar persekitaran bengkel. Dan akhir sekali keperluan dalam mengiktiraf dan meraikan usaha dan pencapaian sukarelawan pelajar melalui anugerah, sijil, atau majlis pengiktirafan di sekolah. Hal ini kerana dengan mengiktiraf sumbangan pelajar dapat memupuk rasa bangga, pencapaian dan motivasi untuk terus membuat perubahan positif dalam komuniti mereka.

PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pejabat Pendidikan Daerah Kubang Pasu, Kedah kerana membenarkan bengkel menjalankan minat kesukarelawanan kepada SMK Bandar Baru Sintok dan SK Bandar Baru Sintok. Terima kasih buat semua warga sekolah dan pelajar yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang modul Minat Kesukarelawan dijalankan.

SUMBANGAN PENULIS

Para penulis dengan ini mengesahkan sumbangan masing-masing terhadap penyediaan manuskrip ini seperti berikut:

Pereka bentuk dan penyusunan kajian: Mohd Alif Jasni dan Fatimah Zailly Ahmad Ramli; Pengumpulan data, Analisis dan interpretasi dapatan kajian: Mohd Alif Jasni, Fatimah Zailly Ahmad Ramli, Teoh Ai Hua, Nurhazlina Mohd Ariffin, Norzaliza Alis dan Sharima Ruwaida Abbas; Penyediaan draf awal manuskrip: Mohd Alif Jasni dan Fatimah Zailly Ahmad Ramli. Kesemua penulis telah meneliti, menyemak serta meluluskan versi akhir manuskrip ini untuk diterbitkan.

RUJUKAN

- Ali, N. M., Borhanuddin, R. I., Salleh, S. M., Nor, R. M., Noor, H. M., Kamaruddin, K., & Mokhlas, H. (2023). Kebolehpasaran graduan–penilaian daripada perspektif majikan dan graduan: Satu pendekatan kualitatif. *International Journal of Education Psychology and Counselling*, 8(50), 355-367. <https://10.35631/IJEPC.850026>
- Anisa Saleha. (2015). Keterlibatan Pelajar dan Hubungannya dengan Kemahiran Insaniah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45(1) Isu Khas, 68-74 <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2020-45.01SI-09>
- Bang, H., & Ross, S. (2009). Volunteer motivation and satisfaction. *Journal of Sport Management*, 23(5), 485–507. <https://10.1123/jsm.23.5.485>.
- Briggs, E., Peterson, M., & Gregory, G. (2010). Toward a Better Understanding of Volunteering for Nonprofit Organizations: Explaining Volunteers' Pro-Social Attitudes. *Journal of Macromarketing*, 30(1), 61 - 76. <https://doi.org/10.1177/0276146709352220>.
- Burns, D., Reid, J., Toncar, M., Fawcett, J., & Anderson, C. (2006). Motivations to volunteer: The role of altruism. *International Review on Public and Nonprofit Marketing*, 3(1), 79-91. <https://doi.org/10.1007/BF02893621>.
- Butcher, J., & Einolf, C. J. (2016). Volunteering: A complex social phenomenon. In *Perspectives on volunteering: Voices from the south* (pp. 3-26). Cham: Springer International Publishing.
- Carpenter, J., & Myers, C. K. (2010). Why volunteer? Evidence on the role of altruism, image, and incentives. *Journal of Public Economics*, 94(11-12), 911-920. <https://doi.org/10.1016/J.JPUBECO.2010.07.007>.

- Cemalcılar, Z. (2009). Understanding individual characteristics of adolescents who volunteer. *Personality and Individual Differences*, 46(4), 432-436. <https://doi.org/10.1016/J.PAID.2008.11.009>.
- Cheng, A., & Sikkink, D. (2019). A Longitudinal Analysis of Volunteerism Activities for Individuals Educated in Public and Private Schools. *Youth & Society*, 52(7), 1193-1219. <https://doi.org/10.1177/0044118x19861979>.
- Clary, E. G., & Miller, J. (1986). Socialization and situational influences on sustained altruism. *Child development*, 57(6), 1358-1369. <https://doi.org/10.2307/1130415>.
- Clary, E. G., & Snyder, M. (1998). Understanding and assessing the motivations of volunteers: A functional approach. *Journal of Personality and Social Psychology*, 74(6), 1516–1530. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.74.6.1516>.
- Gray, D., & Stevenson, C. (2020). How can 'we' help? Exploring the role of shared social identity in the experiences and benefits of volunteering. *Journal of Community and Applied Social Psychology*, 30(4), 341-353. <https://doi.org/10.1002/casp.2448>.
- Hamid, M., & Halim, N. (2023). Exploring satisfaction, motivation and challenges of volunteering among university students. *e-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 20(3), 24-33.
- Hamzah, I. S., Zin, S. A. M., Jamal, M. B., Sarifin, M. R., & Kamarudin, L. A. (2022). Peranan Aktiviti Sukarela dalam Memupuk Kemahiran Insaniah Mahasiswa. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 14(2), 67-80. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol14.sp.6.2022>
- Haski-Leventhal, D. (2020). Volunteering. *The Veterinary record*, 189(1), iv. <https://doi.org/10.1037/e307932005-001>.
- Hernantes, N., Pumar-Méndez, M., López-Dicastillo, O., Iriarte, A., & Mujika, A. (2020). Volunteerism as adolescent health promotion asset: a scoping review.. *Health promotion international*, 35(3), 610-623. <https://doi.org/10.1093/heapro/daz026>.
- Hoi, N. K., & Yin, L. K. (2023). Volunteering as a Catalyst for Motivation and Skill Development in Malaysian University Students. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(2), 496–510. <https://doi.org/10.6007/ijarped/v12-i2/16915>.
- Holdsworth, C. (2010). Why Volunteer? Understanding Motivations For Student Volunteering. *British Journal of Educational Studies*, 58(4), 421 - 437. <https://doi.org/10.1080/00071005.2010.527666>.
- Holdsworth, C., & Quinn, J. (2010). Student volunteering in English higher education. *Studies in Higher Education*, 35(1), 113 - 127. <https://doi.org/10.1080/03075070903019856>
- Hou, Q. (2020). On the Innovation of College Students' Volunteer Activities as the Carrier of Ideological and Political Education. *7th International Education*,

- Economics, Social Science, Arts, Sports and Management Engineering Conference (IEESASM 2019) <https://doi.org/10.23977/IEESASM.2019.313>.
- Ibrahim, M., Abas, M., Morni, M., & Ibrahim, K. (2018). Student's Participation in Volunteerism Activities. *The Journal of Social Sciences Research*, 4(12), 390-394. <https://doi.org/10.32861/jssr.412.390.394>.
- Jaafar, J. R., Abidin, N. S. Z., Kamarudin, N. H., & Zakaria, N. H. (2021). Shifting volunteerism from reality into the digital world: Perspective from young millennials. *International Journal of Infrastructure Research and Management*. 9(1), 34-44. <https://iukl.edu.my/rmc/publications/ijirm/>
- Kahana, E., Bhatta, T., Lovegreen, L., Kahana, B., & Midlarsky, E. (2013). Altruism, Helping, and Volunteering. *Journal of Aging and Health*, 25(1), 159 - 187. <https://doi.org/10.1177/0898264312469665>.
- Kail, B., & Carr, D. (2020). More than Selection Effects: Volunteering is Associated with Benefits in Cognitive Functioning. *The journals of gerontology. Series B*, 75(8), 1741-1746. <https://doi.org/10.1093/geronb/gbaa101>.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2007). Pembangunan Modal Insan Holistik Pelajar. *Laporan Strategi Pendidikan Tinggi*.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2021). Semangat Sukarelawan dalam Masyarakat Malaysia. *Dasar Keselamatan Negara 2021-2025*.
- Kim, L., & Yusupov, D. (2021). Sociological Aspects of Volunteering. *International Journal of Multicultural and Multireligious Understanding*, 8(4), 345-352. <https://doi.org/10.18415/IJMMU.V8I4.2559>.
- Llenares, I. I., Sario, J. A., Bialba, D., & Dela Cruz, J. M. (2020). Volunteerism influences on student resilience and gratitude. *Journal of Psychology in Africa*, 30(3), 211 - 216. <https://doi.org/10.1080/14330237.2020.1777031>.
- Maki, A., & Snyder, M. (2017). Investigating similarities and differences between volunteer behaviors. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 46(1), 5- 28. <https://doi.org/10.1177/0899764015619703>.
- Manguvo, A., Whitney, S., & Chareka, O. (2013). The Role of Volunteerism on Social Integration and Adaptation of African Students at a Mid-Western University in the United States. *Journal of International Students*, 3(2), 117-128. <https://10.32674/jis.v3i2.505>
- McFadden, A., & Smeaton, K. (2016). Amplifying Student Learning through Volunteering. *Journal of university teaching and learning practice*, 14(3), 1-10. <http://dx.doi.org/10.53761/1.14.3.6>
- McLennan, B. (2022). Changes in volunteering. In McLennan, B.J., Chong, J.X.Y., and P.D. Dunlop (Eds.), *Emergency Services Workforce 2030 – Changing Landscape Literature Review*. Melbourne: Bushfire and Natural Hazards Cooperative Research Centre.
- Mustafa, S., Radzi, F., & Hamzah, K. (2020). Participation in and Benefits of Volunteering Activities Among University Students. *The International Journal*

- of Academic Research in Business and Social Sciences, 10(14), 31-37. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/V10-I14/7360>.
- Niemi, R. G., Hepburn, M. A., & Chapman, C. (2000). Community Service by High School Students: A Cure for Civic Ills?. *Political Behavior*, 22(1), 45-69. <https://doi.org/10.1023/A:1006690417623>.
- Nurnadia, S., & Amin, A. (2020). Demographics differences on media social as representation awareness volunteer among youth in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(11), 26-36. DOI:10.6007/IJARBSS/v10-i11/7778
- Nurse-Bray, M., Masud-All-Kamal, M., Di Giacomo, M., & Millcock, S. (2022). Building community resilience through youth volunteering: towards a new model. *Regional Studies, Regional Science*, 9(1), 242-263. <https://doi.org/10.1080/21681376.2022.2067004>
- Pearce, S., Kristjansson, E., Lemyre, L., & Takacs, T. (2023). Understanding the volunteer motivations, barriers and experiences of urban and rural youth: a mixed-methods analysis. *Voluntary Sector Review*, 14(2), 268-292. <http://dx.doi.org/10.1332/204080521X16418948258011>
- Penner, L. A., & Finkelstein, M. A. (1998). Dispositional and structural determinants of volunteerism. *Journal of Personality and Social Psychology*, 74(2), 525-537. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.74.2.525>.
- Pevnaya, M., Tarasova, A., & Telepaeva, D. (2023). Students' Non-Participation in Volunteer Activities, or How to Effectively Organize Volunteering Education in Russian Universities. *University Management: Practice and Analysis*, 27(2), 59-74. <https://doi.org/10.15826/umpa.2023.02.013>.
- Phillips, M. (1982). Motivation and Expectation in Successful Volunteerism. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 11(2-3), 118 - 125. <https://doi.org/10.1177/089976408201100213>.
- Prouteau, L., & Wolff, F. C. (2008). On the relational motive for volunteer work. *Journal of Economic Psychology*, 29(3), 314-335. <https://doi.org/10.1016/J.JOEP.2007.08.001>.
- Pusztai, G., Fényes, H., & Markos, V. (2021). The effect of volunteering and voluntary group membership on student's persistence. *Heliyon*, 7(9), e070900. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2021.e070900>.
- Rashid, N., Ma'amor, H., Zamzuri, N., Ramli, N., Ghazali, A., & Saridan, S. (2023). Assessing Event Volunteer Motivational Factors and Quality of Life among University Students. *Information Management and Business Review*, 15(4 (SI I), 478-485. [https://doi.org/10.22610/imbr.v15i4\(si\)i.3623](https://doi.org/10.22610/imbr.v15i4(si)i.3623).
- Ritter, G., Barnett, J., Denny, G., & Albin, G. (2009). The Effectiveness of Volunteer Tutoring Programs for Elementary and Middle School Students: A Meta-Analysis. *Review of Educational Research*, 79(1), 3 - 38. <https://doi.org/10.3102/0034654308325690>.



- Sahri, M., Murad, K., Alias, A., & Sirajuddin, M. (2013). Empowering Youth Volunteerism: The Importance and Global Motivating Factors. *Journal of Educational and Social Research*, 3(7), 502-507. <https://doi.org/10.5901/JESR.2013.V3N7P502>.
- Snyder, M., & Omoto, A. (2008). Volunteerism: Social Issues Perspectives and Social Policy Implications. *Social Issues and Policy Review*, 2(1), 1-36. <https://doi.org/10.1111/J.1751-2409.2008.00009.X>.
- Stebbins, R. (2013). Unpaid work of love: defining the work-leisure axis of volunteering. *Leisure Studies*, 32(3), 339 - 345. <https://doi.org/10.1080/02614367.2012.667822>.
- Stukas, A. A., Snyder, M., & Clary, E. G. (2016). Understanding and encouraging volunteerism and community involvement. *The Journal of Social Psychology*, 156(3), 243 - 255. <https://doi.org/10.1080/00224545.2016.1153328>.
- Swart, L., Seedat, M., & Sader, F. (2004). Community volunteerism in safety promotion and implications for sustained participation. *African Safety Promotion*, 2(1), 1-15. <https://hdl.handle.net/10520/EJC92981>
- Talib, N., Azizan, M., & Yusoff, A. (2023). Engagement of polytechnic students (PNS, PSAS & PUO) in volunteering activities, a pilot study. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 6(21), 11-26. <https://doi.org/10.35631/ijhpl.621002>.
- Tierney, S., Mahtani, K., Wong, G., Todd, J., Roberts, N., Akinyemi, O., Howes, S., & Turk, A. (2021). The role of volunteering in supporting well-being - What might this mean for social prescribing? A best-fit framework synthesis of qualitative research. *Health & social care in the community*, 30(2), e325-e346 <https://doi.org/10.1111/hsc.13516>.
- Toraldo, M., Contu, A., & Mangia, G. (2016). The Hybrid Nature of Volunteering. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 45(6), 1130 - 1149. <https://doi.org/10.1177/0899764016649688>.
- Unger, L. (1991). Altruism as a motivation to volunteer. *Journal of Economic Psychology*, 12(1), 71-100. [https://doi.org/10.1016/0167-4870\(91\)90044-T](https://doi.org/10.1016/0167-4870(91)90044-T).
- Wiswall, M., & zafar, b. (2016). Human Capital Investments and Expectations about Career and Family. *Journal of Political Economy*, 129(5), 1361 - 1424. <https://doi.org/10.1086/713100>.